

# Berarak dari kampung ke tepi laut

Oleh M. SHARIFUL HAFIZAL AMINUDDIN dan FADLI ABD. RAZAK

**D**EMOGRAFI Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Daripada suku kaum ini pula terdapat pecahan-pecahan suku kaum kecil yang bertaburan di Semenanjung Malaysia serta bertutur dalam dialek yang berbeza-beza.

Bagi masyarakat kaum Mah Meri, mereka berada dalam suku kaum kumpulan Senoi dan kebanyakan mereka kini tinggal di sekitar Pulau Carey, Selangor.

Suku Mah Meri juga masih mengamalkan kepercayaan semangat nenek moyang yang diraikan pada perayaan serta upacara tertentu seperti Hari Moyang.

Menurut Jabatan Kemanusiaan Orang Asli (Jakoa), Mah Meri bermaksud 'orang bertutur dengan semangat'



**RITUAL** Hari Moyang dimulakan ketika air laut surut sepenuhnya dengan persembahan jo-oh (sewang).

hutan' atau 'bersisik'.

Mereka juga dikenali dengan 'orang laut' kerana tinggal berhampiran dengan laut serta dahulunya hidup dengan mencari hasil laut sebagai sumber utama untuk kelangsungan hidup.

Perayaan memperingati Hari Moyang kini masih diamalkan suku Mah Meri biarpun mereka kini hidup dalam arus pemodenan.

Adat tradisi serta kepercayaan nenek moyang terus menjadi pegangan serta teras jati diri Mah Meri yang menjadikan masyarakat ini istimewa daripada suku kaum Orang Asli lain.

Pada tahun ini, sambutan Hari Moyang disambut pada 5 Februari lalu.

Disebabkan negara masih 'bergelut' dengan pandemik Covid-19, perayaan tersebut diadakan bersyarat dengan mengekalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Sambutan yang diadakan pada kali ini telah diadakan secara tertutup, tidak seperti tahun-tahun

## INEO

### Hari Moyang

- Disambut oleh masyarakat suku Mah Meri di Pulau Carey, Selangor
- Disambut pada tarikh yang ditetapkan oleh lembaga adat kampung mengikut perkiraan berdasarkan kalendar Cina
- Sebagai memperingati nenek moyang, selain memohon kesejahteraan keluarga, penduduk dan tempat tinggal

sebelum pandemik melanda, yang mana ia dibuka kepada orang luar dan pelancong tempatan serta luar negara untuk bersama-sama merasai kemeriannya.

Bagaimanapun, kemeriahan tetap dirasai mereka yang menyambutnya disebabkan kerinduan selama dua tahun, ia tidak dapat disambut dengan kehadiran penduduk-penduduk kampung. Menurut Tok Batin suku Mah Meri, Daiman Peron, 62, Hari Moyang adalah



**PENDUDUK kampung bergotong-royong menyiapkan anyaman berasaskan daun nipah dan buluh sebelum sambutan perayaan.**

sambutan kebesaran masyarakat Orang Asli daripada etnik Mah Meri Kampung Sungai Judah di Pulau Carey.

Perayaan ini disambut pada tarikh ditetapkan oleh lembaga adat kampung mengikut perkiraan berdasarkan kalendar Cina.

Kebiasaannya, sambutan Hari Moyang diadakan pada hari kelima selepas Tahun Baharu Cina.

Ia disambut sebagai memperingati nenek moyang mereka, selain memohon kesejahteraan keluarga, penduduk dan tempat tinggal.



**KEHALUSAN seni anyaman seperti motif burung bertenggek di sarang menjadi kebanggaan suku Mah Meri.**

**PERJALANAN** menuju ke persisiran pantai sebelum upacara memperingati moyang bermula sementara menunggu air laut surut.



“Upacara ini dibuat secara besar-besaran oleh penduduk kampung diketuai ‘Bangku Moyang’ yang berarak dari kampung hingga ke tepi laut dengan iringan paluan muzik tradisional.

“Perarakan dan upacara perayaan kemuncak disambut di persisiran pantai, yang mana terdapat ‘mahligai’ yang dibina khusus untuk moyang dalam kepercayaan mereka.

“Ritual bermula apabila air laut surut sepenuhnya dengan persembahan jo-oh (sewang). Penduduk menari dan menyanyikan lagu-lagu pujian sambil mengiringi ‘Bangku Moyang’ yang sedang ‘menurun’.

“Setelah selesai ritual, masyarakat kaum Mah Meri akan berkumpul bersama-sama sanak saudara serta penduduk kampung yang hadir untuk dihidangkan dengan juadah makanan tradisi.

“Ia merupakan tanda penghormatan kepada masyarakat Mah Meri serta dapat mengeratkan hubungan sesama mereka,” katanya ketika ditemui semasa perayaan itu baru-baru ini.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai persiapan sambutan, Zainab Peron, 60, yang merupakan orang penting dalam suku Mah Meri Sungai Judah berkata, ia diserikan dengan hiasan berasaskan kehalusan seni tradisi turun-temurun dengan keunikan keseniannya yang disediakan sebelum perayaan.

Katanya, persiapan dilakukan seawal dua minggu sebelum perayaan dengan dibantu penduduk kampung.

“Menurut adat dan peralatan, persiapan tersebut perlu mengikut aturan.

“Jadi, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan segala-galanya dilakukan mengikut peraturan



**‘BANGKU Moyang’ berada di atas ‘mahligai’ di tepi laut ketika ritual memperingati Hari Moyang.**



**ZAINAB mempersiapkan anyaman tradisional yang menjadi salah satu simbolik kepada suku Mah Meri.**



**TOPENG kayu merupakan antara kraf unik Mah Meri.**

## Keunikan kraf kaum Mah Meri

MASYARAKAT Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor sejak dahulu dikenali dengan penghasilan krafnya yang unik.

Oleh sebab itu, orang ramai yang berkunjung ke perkampungan itu sering mengikuti bengkel pembuatan kraf disediakan Mah Meri Cultural Village.

Antara kraf yang menarik ialah topeng kayu dan pelbagai bentuk anyaman daripada daun nipah dan pandan.

Menurut laman web kampung kebudayaan itu, [www.mmcv.org.my](http://www.mmcv.org.my), Mah Meri daripada suku Orang Asli Senoi adalah satu-satunya kumpulan yang membuat ukiran

Lilitan kepala ini diberikan kepada mereka yang hadir tidak kira daripada suku kaum mana dan juga kepada orang luar.

Anyaman berunsurkan motif flora dan fauna diterap dan dihasilkan seperti burung bertenggek di sarang, ikan, ayam dan juga motif bunga-bunga tempatan.

Selain itu, bendera berwarna-warni juga amat sinonim sebagai lambang kepada kaum Mah Meri turut dipersiapkan sebelum sambutan perayaan Hari Moyang.

Dalam pada itu, kehalusan seni kaum Mah Meri tidak terletak pada anyaman sahaja, dendangan alunan muzik dan cara ia dimainkan merupakan salah satu

yang telah ditetapkan," katanya.

Zainab yang juga isteri kepada tok batin memberitahu, penduduk kampung akan bergotong-royong di rumah balai Mah Meri dengan persiapan

untuk membuat anyaman dari daun nipah dan buluh.

Selain itu, pakaian dan lilitan kepala juga merupakan adat tradisi yang perlu dipersiapkan untuk sarfutan perayaan.

keunikan tradisi kaum itu.

Alat muzik seperti tuntong (buluh), tambo (gendang) dan tawuk (gong) akan digunakan dalam perayaan tersebut.

Ia akan dimainkan dengan diketuai tok batin serta kumpulan kecil dalam kalangan penduduk kampung itu sendiri.

Bermula dari awal pagi di Sungai Bumbun, Pulau Carey hingga perarakan ke persisiran pantai dan berakhirnya upacara sambutan, alunan dendangan muzik tradisional tersebut terus dimainkan.

**SEKUMPULAN** pemuda suku Mah Meri menuju ke 'mahligal' dengan membawa bendera berwarna-warni sebagai lambang penghormatan pada hari memperingati moyang.

topeng kayu.

Dahulu, mereka lebih banyak menggunakan kayu pulai yang berwarna keputih-putihan.

Namun kini, apabila kayu pulai semakin jarang ditemui, mereka beralih kepada kayu nyireh batu yang berwarna kemerah-merahan.

"Pembuatan ukiran topeng kayu merupakan tanda penghormatan buat nenek moyang yang disifatkan sangat berkuasa.

Perkataan moyang yang digunakan pada topeng merujuk kepada nenek moyang dipercayai menjadi pelindung keamanan dan pemberi kesejahteraan serta menghindarkan mereka daripada hukuman.

"Hukuman dimaksudkan adalah ditimpakan penyakit, kesukaran dalam memburu dan tanaman tidak menjadi," jelas kenyataan laman web itu.

Berkenaan anyaman daun nipah atau pandan, ia satu seni yang tidak asing kepada Orang Asli secara umumnya.

Mereka menggunakan daun-daun tersebut untuk membuat tikar, bakul, topi dan perhiasan.

"Mah Meri menggunakan anyaman untuk banyak upacara.

"Salah satunya mengalu-alukan kehadiran pengunjung. Tikar penyambut tetamu dianyam motif tertentu dapat membersihkan kaki tetamu. Ia digunakan hanya sekali sebelum dihadiahkan kepada orang lain," katanya.

